

## MEMPERKASAKAN PEMBELAJARAN PROFESIONALISME GURU PROGRAM PEMULIHAN DALAM KOMUNITI MELALUI PEMBIMBING INSTRUKSIONAL

Siti Shafiqah Rafiquddin,

\*Ahmad Zabidi Abdul Razak

Madhya Zhagan Ganesan

Jabatan Pengurusan, Perancangan dan Dasar Pendidikan, Universiti Malaya

Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Universiti Malaya

\* [zabidi@um.edu.my](mailto:zabidi@um.edu.my)

### ABSTRACT

Training is a crucial element in ensuring continuous teacher professionalism in the Community-Based Rehabilitation Program (PDK). However, there are several issues in teacher training which include program executions which did not fulfil the aspects of the teacher's actual needs in PDK. Hence, an approach based on training with an instructional guide should be taken. In this approach, senior teachers would guide, share best practices and ensure their colleagues achieve the best professional standard. Through this approach, teachers could learn the best approach to classroom teaching and learning. Based on this, this concept paper will discuss the concept of the training approach through instructional guidance and its implications towards PDK teachers, students and the program itself. This concept paper would benefit every stakeholder in PDK, especially by ensuring every educational staff member always applies the most effective teaching and learning approach and develops techniques that acknowledge students' needs based on the guidance given to teachers.

**Keywords:** *Community-Based Rehabilitation Program (PDK), Teacher Training, Instructional Guide, Special Education, Teacher Professionalism*

### PENGENALAN

Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) merupakan program untuk pembangunan komuniti bagi orang kurang upaya di mana program ini menyediakan pelbagai jenis terapi iaitu terapi cara kerja, pertuturan, fizikal dan juga pembelajaran Membaca, Menulis dan Mengira (3M) untuk murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) yang dijalankan di PDK (JKM, 2018). Program ini bertujuan membantu dan menyokong kanak-kanak yang mengalami kelewatan perkembangan. Intervensi yang dijalankan adalah bagi membantu meningkatkan perkembangan dan kebolehsuaian kanak-kanak serta meningkatkan keupayaan keluarga dalam mengendalikan kanak-kanak berkeperluan khas (Abdullah, 2020).

Intervensi di PDK dijalankan oleh guru yang mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza namun mempunyai pengalaman dalam mengendalikan MBPK (Jaafar et al., 2021). Latihan yang diterima guru di PDK ini disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan dijalankan setahun sekali. Untuk itu, kualiti guru di PDK harus dititikberatkan kerana latihan dalam perkhidmatan membantu guru menjadi lebih mahir dalam pengajaran dan pembelajaran.

Pada masa kini, pendekatan konvensional untuk pembangunan profesionalisme yang memerlukan latihan formal seperti kursus, bengkel dan latihan secara peribadi kurang diminati (Ithnain & Saidin,

2021). Sebaliknya, membina profesionalisme melalui pengalaman yang diperolehi semasa menjalankan tugas lebih ditekankan. Antara pengalaman ini termasuk kualiti peribadi, pengetahuan teori, amalan pengurusan strategik, kemahiran dan teknik menangani perubahan (Ithnain & Saidin, 2021). Juga keupayaan seperti komunikasi, kepimpinan, inovasi, minat dan keyakinan, serta budaya pengamalan untuk membantu rakan sekerja.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Untuk masa ini, terdapat 559 PDK di seluruh Malaysia, dengan 143 di antaranya terletak di Semenanjung Malaysia. Setiap PDK mempunyai lima guru yang diberikan latihan asas untuk mengendalikan kanak-kanak dalam program pemulihan. Latihan motor kasar dan halus, penjagaan diri, pembangunan sosial dan kerjaya adalah antara latihan yang diberikan oleh program pemulihan di PDK (Jaafar et al., 2021)

**Jadual 1**

*Taburan PDK Di Seluruh Negeri (Sumber: JKM, 2022)*

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah PDK</b>	<b>OKU</b>	<b>Penyelaras</b>	<b>Guru Intervensi</b>
		<b>Pusat</b>		
Perlis	9	273	153	8
Kedah	43	1258	423	42
Pulau Pinang	26	754	216	24
Perak	41	768	298	41
Selangor	58	2069	346	55
Kuala Lumpur	10	512	67	13
Negeri Sembilan	43	938	238	44
Melaka	18	355	96	18
Johor	73	1895	613	73
Pahang	51	1043	302	51
Terengganu	46	1122	404	47
Kelantan	45	1047	316	45
Sarawak	53	2247	532	54
Sabah	37	1793	421	37
Labuan	2	66	8	2
Putrajaya	4			4
<b>Jumlah</b>	<b>559</b>	<b>16140</b>	<b>4433</b>	<b>559</b>
				<b>2729</b>

Selain daripada latihan yang disediakan oleh pihak JKM, kebanyakan latihan guru PDK adalah secara konvensional. Ini termasuklah menghadiri bengkel atau seminar dengan bantuan fasilitator, terapis berpengalaman atau guru yang lebih senior dalam bidang tertentu. Objektif latihan ini adalah untuk membantu guru dalam merancang intervensi dengan lebih baik. Walau bagaimanapun, disebabkan guru sendiri kurang yakin dalam melaksanakan pengetahuan latihan, maka tidak terdapat perubahan dalam amalan intervensi untuk murid (Law et al., 2019)

Selain itu, pemahaman guru tentang ilmu latihan yang diterima juga adalah berbeza. Walaupun JKM menawarkan latihan kepada guru-guru ini untuk meningkatkan pemahaman mereka dan mempelajari teknik intervensi terkini demi mewujudkan guru yang berkualiti tinggi, terdapat perbezaan dalam pemahaman latihan. Akibatnya, guru tidak yakin untuk menjalankan sesi intervensi dengan berkesan tanpa bimbingan penyelia (Law et al., 2019) . Proses yang kurang diamalkan dalam perancangan dan pelaksanaan ilmu mungkin menyumbang kepada isu ini. Apabila guru menghadiri kursus atau bengkel,

pengetahuan yang mereka pelajari tidak digunakan atau diambil kira. Di samping itu, pihak yang mentadbir kursus, latihan atau program berkenaan kurang menyokong guru di dalam bilik darjah. Namun begitu, konteks dan budaya PDK tidak memberikan perhatian yang mencukupi kepada pelaksanaan amalan dan idea baharu yang dipelajari daripada kursus yang dihadiri. Pelaksanaan amalan ialah elemen penting yang perlu diperhalusi dan dititikberatkan (Habibah et al., 2016). Keyakinan diri juga memainkan peranan penting dalam pemindahan ilmu (Abdul Ghafar et al., 2015; Brown, 2014; DeCorby, 2005; Morgan & Bourke, 2005).

Oleh itu, berdasarkan perbincangan di atas, jurang ini boleh dipenuhi dengan bimbingan guru senior yang mempunyai pengalaman dalam bidang intervensi awal untuk memenuhi kekurangan pengetahuan guru PDK. Dalam kajian, Wilson et al. (2011) mencadangkan latihan yang sepadan dengan keperluan guru untuk menyokong pengajaran yang berkualiti tinggi untuk guru secara lebih khusus.

## KONSEP LATIHAN GURU MELALUI PEMBIMBING INSTRUKSIONAL

Bahagian ini akan membincangkan konsep pembimbing instruksional. Konsep pembimbing instruksional adalah untuk membantu guru melalui induksi, pembelajaran berterusan, pelaksanaan inisiatif baharu, dan memahami serta menyesuaikan diri dengan kandungan subjek (Desimone & Pak, 2016). Pencapaian akademik yang lebih tinggi kini menjadi matlamat utama setiap institusi pendidikan (Desimone & Pak, 2016). Disebabkan mereka harus mengutamakan pencapaian pelajar, kualiti guru, dan pembangunan profesional, maka bimbingan instruksional meningkatkan kualiti guru melalui refleksi profesional. Marcks (2017) mendapati bahawa pembangunan profesional semata-mata tidak membantu guru dalam membuat keputusan dan bekerjasama. Penyelidikan terdahulu telah menunjukkan bahawa pembimbing instruksional mesti membantu guru dalam meningkatkan kualiti pendidikan secara berterusan (Collins, 2001; Knight, 2006; Tolbert Woods, 2014). Guru dan pembimbing instruksional yang bercakap secara reflektif tentang cara mereka boleh menyesuaikan amalan pengajaran mereka untuk menyokong kejayaan pelajar dalam bilik darjah. Refleksi profesional dan bimbingan instruksional boleh meningkatkan prestasi guru dan pencapaian pelajar (Hall & Simeral, 2017).

Rumusannya, konsep latihan guru melalui pembimbing instruksional ini ialah latihan mengikut permintaan yang boleh dilaksanakan dalam kawasan yang ditetapkan untuk memudahkan pertukaran bahan. Dengan bantuan pembimbing instruksional iaitu guru senior, dapat dipenuhi keperluan sebenar guru, dan akan meningkatkan kualiti latihan perkhidmatan dengan menggabungkan pelbagai pendekatan pengajaran dan pemantapan penyampaian latihan untuk kombinasi terbaik pengajaran guru (Gary et al, 2021).

## ELEMEN DALAM LATIHAN MELALUI PEMBIMBING INSTRUKSIONAL UNTUK PDK

Penyampaian latihan adalah penting untuk latihan kerana ia akan memberi kesan dan memberi guru hasil pembelajaran yang baik. Dalam kertas konsep ini, beberapa elemen penyampaian latihan yang digunakan termasuklah *Continuous Medical Education* (CME), merangka rancangan pengajaran individu (RPI), melihat sesi yang dikendalikan oleh guru senior, guru senior menyelia sesi intervensi dan implementasi refleksi daripada guru senior. Oleh itu, setiap aspek elemen penyampaian latihan akan dijelaskan.

### ***Continuous Medical Education (CME)***

CME ialah pembelajaran professional bagi ahli professional dalam bidang sains kesihatan (Spence & Santos, 2019). CME berlaku apabila kumpulan profesional yang sama atau multiprofesional mendengar pembentangan daripada rakan setugas mengenai ilmu baru yang berkaitan dengan kaedah intervensi terkini. Guru senior dan guru novis boleh saling bekerjasama berkongsi ilmu dalam sesi CME untuk

memperbaiki kaedah intervensi yang terkini mengikut kesesuaian murid MBPK. CME telah berkembang dengan ketara sebagai tindak balas kepada kemajuan dalam pengetahuan dan teknologi penjagaan kesihatan. Tujuan ringkasannya adalah untuk menunjukkan elemen penting daripada penyelidikan dan ulasan terkini mengenai keberkesanan CME, inovasi dan peluang masa depan.

CME dalam konteks mengendalikan murid berkeperluan khas dan keperluan bagi profesional penjagaan kesihatan untuk terus meningkatkan pengetahuan, kemahiran, dan sikap mereka. Kajian semula menyoroti strategi dan teknologi pendidikan terkini yang dapat membantu meningkatkan pemahaman dan pengendalian terhadap individu dengan MBPK. Pentingnya program CME yang berdasarkan bukti, bersifat multidisiplin, dan disesuaikan dengan keperluan khusus profesional penjagaan kesihatan dan individu dengan MBPK.

Selain itu, CME menekankan pentingnya kerjasama antara profesional penjagaan kesihatan, pendidik, dan keluarga dalam pembangunan dan pelaksanaan program CME. Fokus program CME haruslah kepada aspek-aspek seperti pengenalan awal dan intervensi, rawatan berdasarkan bukti, dan transisi ke alam dewasa. Rumusannya, program CME dan mengidentifikasi amalan terbaik untuk pembangunan dan pelaksanaannya dapat memberikan satu panduan tentang perkembangan terkini dalam strategi pendidikan untuk MBPK. Ia juga menekankan pentingnya pendidikan intervensi berterusan dalam meningkatkan kualiti penjagaan kesihatan untuk individu dengan MBPK.

#### ***Merangka Rancangan Pendidikan Individu (RPI)***

Jika diteliti daripada dapatan kajian lepas oleh Gary et al. (2021) dan Ueda et al. (2021), RPI adalah merupakan komponen dalam latihan guru. RPI dilakukan oleh guru yang mengajar murid pendidikan khas sebagai panduan pengajaran mereka. Ia dibuat khusus untuk setiap pelajar. Selain itu, ia dibina untuk menyimpan rekod setiap pengubahsuaian yang dilakukan ke atas murid (Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Khas, 2000). RPI sesuai untuk merancang, memantau dan menilai perkembangan pendidikan MBPK.

Konsep RPI menyatakan bahawa RPI merupakan dokumen bertulis yang dirancang khusus untuk setiap MBPK. Perancangan RPI ini bermula dengan fasa pengumpulan maklumat, pendokumentasian, pelaksanaan dan penilaian RPI. Setiap fasa dalam RPI merupakan fasa yang sangat penting dalam menyumbang kepada keberkesanan RPI (Ibrahim & Toran, 2023). Menyediakan RPI adalah penting untuk memenuhi keperluan pelajar pendidikan khas dicapai. Sehingga kini, tiada undang-undang atau akta khusus yang mewajibkan pelaksanaannya. Selain itu, hasil kajian Ibrahim & Toran (2023) turut menunjukkan hasil yang sama di mana pendidik menentukan objektif utama sebelum membuat program pengajaran dan melihat pemerhatian ke atas objektif yang ditetapkan. Penyelidik berpendapat bahawa guru sepatutnya melaksanakan intervensi secara praktikal dan sentiasa menentukan kaedah pengajaran terbaik untuk pelajar berkeperluan pendidikan khas. Penilaian, analisis keberkesanan, dan kesimpulan dilakukan selepas strategi dilaksanakan.

Secara rumusannya, sebelum merangka RPI dengan baik, guru novis dan juga guru senior akan duduk bersama membincangkan kekuatan, kelemahan murid dan juga objektif utama yang ingin dicapai dalam pengajaran guru. Komponen dalam RPI merangkumi objektif berdasarkan isu dari penilaian awal perkembangan, strategi PdPc dan pemerhatian.

#### ***Melihat Sesi yang Dikendalikan Guru Senior***

Setelah meneliti RPI bersama guru senior, guru boleh belajar dengan melihat cara kendalian kerja oleh mereka. Cara ini merupakan salah satu cara *hands-on* untuk PdPc dan juga adalah merupakan salah satu daripada cara pembelajaran mereka.

Guru mempelajari tentang peranan mereka daripada individu lain dan mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang cara pendekatan pengajaran untuk MBPK. Mereka mungkin juga mendapat peluang untuk bekerjasama dengan guru senior yang lebih mahir atau juga rakan sekerja (Rony et al., 2019). Ia memerlukan mereka memerhati untuk beberapa jam hingga beberapa minggu untuk membantu memberi pemahaman yang lebih baik tentang teknik terapi dan juga pendekatan pengajaran mereka. Selain itu, ia boleh membantu mereka membuat refleksi tentang cara pengajaran mereka (Knight, 2018; Tan Ai Lee et al., 2020)

Rumusannya, melihat sesi yang dikendalikan oleh guru senior merupakan satu kaedah yang berkesan dalam memperkasakan pembelajaran profesionalisme guru. Melalui pengamatan langsung terhadap cara kerja guru senior, guru novis dapat memperoleh pengetahuan dan keterampilan yang diperlukan untuk meningkatkan cara mereka mengajar, terutamanya dalam konteks pembelajaran untuk MBPK. Proses ini membolehkan guru belajar daripada pengalaman praktikal, meningkatkan pemahaman tentang peranan mereka, serta meningkatkan refleksi terhadap cara pengajaran. Dengan demikian, melibatkan guru dalam sesi yang dikendalikan oleh guru senior ialah satu pendekatan yang efektif dalam memperkuuhkan pembelajaran profesionalisme guru dalam program pemulihan dalam komuniti.

### ***Guru Senior Menyelia Sesi Intervensi***

Bimbingan rakan sebaya guru atau pembimbing ialah kaedah sistematik untuk melihat pengajaran guru lain melalui kitaran pra-konferensi, pemerhatian dan pasca-konferensi. Salah satu kaedah untuk meningkatkan pelaksanaan kurikulum terhadap strategi, teknik dan kebolehan guru dalam pembelajaran ialah bimbingan rakan sebaya (Ramli & Mohd Hashim, 2023). Bimbingan ialah satu proses di mana dua atau lebih pekerja bekerjasama untuk menggambarkan amalan semasa, mengembangkan, menghalusi, dan membina kemahiran baharu, berkongsi idea, mengajar antara satu sama lain, menjalankan penyelidikan bilik darjah, atau menyelesaikan masalah di tempat kerja. Pembimbing membolehkan guru berkongsi pengalaman pengajaran dan pengetahuan pedagogi dalam bilik darjah tanpa paksaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011). Selain itu, bimbingan mesti disesuaikan untuk memenuhi keperluan guru dan pelajar (Knight, 2019).

Dapatan kajian lepas mengenai pembimbing dalam pembelajaran profesional guru di mana Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) menjangkakan bahawa guru-guru akan menjadikan bimbingan rakan sebaya sebagai sumber pembelajaran sepanjang hayat dan berkongsi pendekatan terbaik untuk PdP di bilik darjah. Proses pembelajaran ini menunjukkan bahawa guru berkembang secara beransur-ansur sehingga amalan profesional mereka berubah. Sebuah kajian oleh Siti Nafsiah Ismail et al. (2020) menunjukkan bahawa amalan bimbingan berterusan akan menghasilkan profil pembelajaran profesional guru berdasarkan tiga fasa perubahan: permulaan, pelaksanaan dan pembudayaan. Bimbingan semasa pembelajaran kerjaya guru sekolah pengajaran adalah apabila orang lain berkongsi pengalaman dan pengetahuan pengajaran mereka dan mempunyai objektif untuk meningkatkan pembelajaran pelajar (Darling-Hammond, 2000; Hegedus et al., 2016; Tella, 2017).

Menurut kajian oleh Rozita Radziah (2016) terhadap 180 pekerja SISC+ bagi subjek Bahasa Melayu di seluruh negara, pembimbing pengajaran boleh meningkatkan profesionalisme guru dan kualiti PdP. Tahap pengetahuan dan kefahaman personel SISC+ Bahasa Melayu terhadap skop PdP adalah tinggi, dengan skor min 4.49. 76.5% orang yang menjawab menunjukkan skor cemerlang pada item yang berkaitan dengan fungsi *coaching* pengajaran. Tetapi kajian ini hanya merujuk pada Model Standard Guru Malaysia (SGM), dan ia hanya merujuk tentang Standard 2, iaitu elemen pengetahuan dan kefahaman. Pemantauan PdP dalam bilik darjah dan latihan pengajaran sebelum konferensi adalah penting dan tidak hanya sebelum konferensi tetapi juga selepasnya (Franey, 2015).

Selain itu, dapatan kajian lepas oleh Ramli dan Mohd Hashim (2023) menunjukkan bimbingan mesti disesuaikan untuk memenuhi keperluan guru dan pelajar (Knight, 2019). Dapatan kajian juga mendapati

peranan pembimbing dan kaedah bimbingan mereka adalah penting untuk mencapai dan meningkatkan prinsip pembelajaran orang dewasa berdasarkan pengalaman peribadi mereka dengan bekerjasama bersama guru.

Proses bimbingan pengajaran perlu dilaksanakan pada masa, situasi dan tempat yang betul kerana daptan kajian menunjukkan bahawa amalan profesional pekerja dalam suatu organisasi sangat bergantung kepada bimbingan yang diterima dalam bentuk intervensi di tempat kerja mereka secara berterusan (Junaidah, 2015). Selain itu, sokongan penyelia dalam bekerjasama dengan guru untuk melaksanakan pembangunan profesional melalui program dan inisiatif mempunyai kesan kepada guru dan boleh dikekalkan daripada semasa ke semasa (Bates & Morgan, 2018; Spelman et al., 2016). Justeru, setelah guru di PDK melihat cara pengajaran oleh fasilitator, fasilitator pula akan melihat sesi intervensi guru untuk menjalankan intervensi ke atas murid bermasalah pembelajaran dan refleksi akan dilakukan bagi menambah baik sesi.

Rumusan daripada pernyataan tersebut adalah bahawa penyeliaan sesi intervensi oleh guru senior merupakan satu pendekatan yang berkesan dalam memperkasakan pembelajaran profesionalisme guru dalam program pemulihan dalam komuniti. Melalui proses bimbingan rakan sebaya, guru dapat meningkatkan pelaksanaan kurikulum, strategi pengajaran, dan kebolehan mereka dalam mengajar. Ini adalah dengan memanfaatkan pra-konferensi, pemerhatian, dan pasca-konferensi. Bimbingan ini membolehkan guru untuk berkongsi pengalaman, pengetahuan, dan meningkatkan kemahiran baharu tanpa tekanan. Kajian menunjukkan bahawa proses pembelajaran ini membantu guru berkembang secara beransur-ansur, menghasilkan perubahan dalam amalan profesional mereka. Sokongan penyelia dalam melaksanakan pembangunan profesional juga memberi impak yang positif dan boleh dikekalkan dari semasa ke semasa. Justeru, melalui penyeliaan sesi intervensi, guru dapat meningkatkan kualiti pengajaran mereka, menjalankan intervensi ke atas murid bermasalah pembelajaran, dan melakukan refleksi untuk terus memperbaiki proses pengajaran.

### ***Implementasi Refleksi daripada Guru Senior***


Sememangnya refleksi akan terbentuk daripada perbincangan di antara fasilitator dan guru berkenaan sesi intervensi. Melalui perbincangan dan perbualan, guru akan mengimplementasi cadangan daripada refleksi bersama dengan fasilitator. Melalui refleksi terhadap amalan profesional, pelajar dewasa mencari peluang dan menetapkan matlamat untuk penambahbaikan berterusan. Ini termasuk juga merefleksi perbualan bimbingan kepada memperbaiki pendekatan dan amalan bimbingan mereka (Ramli & Mohd Hashim, 2023)

Rumusan daripada pernyataan tersebut adalah bahawa refleksi merupakan satu aspek penting dalam memperkasakan pembelajaran profesionalisme guru melalui pembimbing instruksional dalam program pemulihan dalam komuniti. Refleksi terbentuk melalui perbincangan antara fasilitator dan guru mengenai sesi intervensi. Melalui dialog dan perbincangan ini, guru dapat mengimplementasi cadangan daripada refleksi bersama fasilitator. Proses refleksi terhadap amalan profesional membolehkan guru dewasa untuk mengenal pasti peluang penambahbaikan dan menetapkan matlamat untuk memperbaiki pendekatan dan amalan bimbingan mereka. Dengan demikian, refleksi bukan sahaja menjadi alat untuk mengukur dan menilai kesan sesi intervensi. Tetapi, ia juga menjadi titik tolak untuk pertumbuhan dan pembangunan profesional guru dalam konteks pembelajaran di komuniti.

## **TEORI DALAM LATIHAN GURU**

### ***Teori Pengalaman Pembelajaran***

Teori pengalaman pembelajaran ini mengutamakan pembentukan pengetahuan daripada pengalaman. Keupayaan dan pemahaman ini diperoleh melalui perlakuan dan amalan menyelesaikan isu dan tugas. Pengalaman lepas membantu seseorang memahami perilaku ini. Rajah 1 di bawah merupakan rujukan untuk teori Pengalaman Pembelajaran yang dicadangkan oleh Kolb (1984).

**Rajah 1***Teori Pengalaman Pembelajaran (Kolb, 1984)*


Teori yang diutamakan ialah pembangunan kognitif melalui amalan berdasarkan pengalaman (McLeod, 2017). Menurut Kolb (1984), pembelajaran melalui pengalaman terdiri daripada empat komponen:

1. Guru terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran
2. Guru membuat refleksi berkaitan pengalaman pembelajaran
3. Guru membuat analisis untuk menyatakan pengalaman pembelajaran
4. Guru membuat keputusan atau menyelesaikan masalah berdasarkan pengalaman yang telah diperolehi semasa belajar.

Hanya teori ini digunakan oleh sebab ia menunjukkan pembelajaran guru yang akan mengkaji pengalaman subjektif. Selain itu, teori ini berfokus pada pembelajaran praktikal. Penglibatan guru PDK yang kekurangan pengalaman dalam intervensi memerlukan mereka mempelajari lebih banyak daripada sekadar menghadiri bengkel. Mereka juga perlu melihat cara penyampaian dilakukan dan mengalami pengalaman tersebut sendiri untuk meningkatkan pemahaman teori.

### MODEL LATIHAN SEMASA BEKERJA

Untuk mencipta latihan yang lebih sistematik dan berstruktur, model latihan semasa yang dibangunkan oleh Jacobs dan Jones (1980) digunakan. Sistem di dalam model ini adalah seperti Rajah 2 di bawah.

**Rajah 2***Model Latihan Semasa Bekerja (Jacobs & Jones, 2003)*

Dalam bahagian proses latihan, penyelia menyampaikan modul dengan lima perkara; a) menyediakan pelatih dengan pengetahuan, b) menerangkan proses latihan, c) menunjukkan prosedur latihan, d) memerhatikan pelatih dan e) berfikir. Berikut ialah penerangan ringkas tentang elemen yang membentuk proses Latihan.

**Jadual 2***Elemen dan Penerangan Elemen*

Elemen	Penerangan elemen
Menyediakan pelatih dengan ilmu	Untuk menyediakan pelatih dengan pengetahuan yang mereka inginkan, elemen ini adalah penting. Elemen ini mempunyai tiga subelemen, iaitu a) Mewujudkan keselesaan dan memberikan penjelasan tentang konteks b) Beri penjelasan tentang matlamat latihan c) Menekankan bahawa mempelajari tugas yang ada adalah penting
Menerangkan proses latihan	Elemen ini memberikan penjelasan terperinci tentang cara keseluruhan latihan akan dijalankan. Ini adalah untuk memberikan pelatih gambaran awal tentang latihan. Selain itu, penyelia harus menerangkan prosedur yang akan dipelajari dalam urutan yang teratur.
Menunjukkan prosedur dalam latihan	Penyelia menunjukkan proses latihan yang berkaitan dengan pekerjaan itu. Pelatih mesti memerhatikan apa yang dilakukan oleh penyelia untuk memastikan mereka melakukannya dengan betul. Ini membantu pelatih memahami urutan langkah dengan lebih jelas. Mereka juga digalakkan untuk bertanya soalan semasa demonstrasi untuk meningkatkan pemahaman mereka dan mendorong mereka untuk berfikir melalui tugas.
Melakukan sesi pemerhatian kepada pelatih	Pada masa ini, pelatih sudah biasa dengan kaedah yang digunakan. Pada peringkat ini, pelatih sepatutnya mempunyai keyakinan yang tinggi untuk mencuba proses. Semasa sesi pemerhatian, penyelia memberikan maklumat daripada pengalaman sebenar yang berkaitan dengan pekerjaan

	<p>pelatih. Semasa percubaan pertama, penyelia tidak seharusnya mengharapkan kesempurnaan; sebaliknya, mereka harus memberikan maklum balas dan menggalakkan untuk mencuba lagi sehingga prestasi dicapai.</p>
Refleksi	<p>Langkah terakhir dalam proses sistematik ialah meminta pelatih untuk berfikir tentang pengalaman latihan mereka. Pemikiran reflektif menyokong pengetahuan. Semasa sesi refleksi pelatih, penyelia bercakap tentang input latihan dan perkara yang perlu diperbaiki berdasarkan pemerhatian.</p>

Justifikasi model ini dipilih adalah kerana model ini mempunyai struktur elemen dalam latihan yang mengandungi *experiential learning* (pembelajaran berdasarkan pengalaman ketika bertugas).

## LANGKAH PELAKSANAAN LATIHAN MELALUI PEMBIMBING INSTRUKSIONAL

Melalui latihan guru yang berstruktur dijalankan, setiap elemen di dalam latihan akan mengajar guru daripada merangka RPI bersama guru senior, sehingga ke mendokumentasi RPI dengan lebih baik. Melalui bimbingan daripada guru yang berpengalaman, perubahan dan kepercayaan guru PDK terhadap diri sendiri akan meningkat. Ia juga akan memberi kesan kepada pengajaran dan perkembangan kemahiran intervensi murid (McLeod, 2017).

Penglibatan guru PDK memerlukan mereka mempelajari lebih dengan bukan sekadar menghadiri bengkel. Namun, mereka juga perlu untuk melihat cara penyampaian dan merasa sendiri pengalaman tersebut untuk lebih memahami teori. Guru PDK akan melalui sesi CME dahulu bersama dengan guru senior. Kemudian, mereka akan melihat guru senior melakukan sesi intervensi. Daripada, ini guru PDK akan membuat refleksi berkenaan cara pengajaran mereka. Kemudian guru senior akan menyelia sesi intervensi yang dilakukan oleh guru PDK dan guru senior akan terus membentulkan dan memberi tunjuk ajar cara PdP guru yang betul. Di sini, guru PDK memperoleh pengalaman itu secara langsung dan akan menganalisis cara pengajaran mereka. Setelah itu, implementasi refleksi daripada guru senior untuk penambahbaikan sesi PdP akan memberi ruang untuk guru PDK membuat keputusan atau menyelesaikan masalah berdasarkan tunjuk ajar daripada fasilitator sewaktu guru senior menyelia sesi intervensi.

## IMPLIKASI LATIHAN MELALUI PEMBIMBING INSTRUUKSI

### **Guru**

Signifikan latihan ini kepada guru adalah selari dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2013-2025) di mana profesionalisme guru dapat dijalankan secara berterusan dan mengikut keperluan guru. Latihan guru yang sistematik dapat membantu guru PDK melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan di institusi. Ini secara tidak langung akan meningkatkan juga kualiti guru tidak kira di sekolah awam atau swasta.

### **Murid**

Seterusnya, signifikan latihan ini kepada murid ialah latihan guru ini memberikan manfaat kepada murid di mana kemenjadian dan keberhasilan murid di PDK akan menjadi lebih tinggi.

### **Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)**

Latihan ini juga akan memberi signifikan kepada PDK kerana akan memberikan input baru dalam bidang latihan guru. Justeru, dapatan kajian ini dapat memberikan panduan yang bermanfaat buat Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat, sekolah

kerajaan, pusat intervensi swasta, penyelaras bagi bidang pendidikan khas dan juga kepada guru intervensi dengan latihan secara informal.

## KESIMPULAN

Pembangunan untuk pembentukan struktur latihan profesionalisme yang terkini dan sesuai untuk guru adalah satu usaha dalam menghasilkan latihan yang sistematis dan bertepatan dengan keperluan ilmu di program pemulihan dalam komuniti. Penulisan kertas konsep ini diharapkan akan dapat memberi satu paradigma baru dalam latihan guru di PDK. Latihan guru adalah penting bagi memastikan guru sentiasa meningkatkan kompetensi diri mereka dan efikasi kendiri.

## RUJUKAN

- Anis, N., Yuzaidey, M., Din, N. C., Ahmad, M., Ibrahim, N., Razak, A., Harun, D., Yuzaidey, N. A. M., Din, N. C., Ahmad, M., Ibrahim, N., Razak, R. A., & Harun, D. (2018). Interventions for children with dyslexia: A review on current intervention methods. *Medical Journal of Malaysia*, 73(5), 311–320.
- Abdullah, S. A. K. (2020). *IntervensiAwal-saifulazam*.
- Ahadi, S., & Jacobs, R. L. (2017). A review of the literature on structured on-the-job training and directions for future research. *Human Resource Development Review*, 16(4), 323–349. <https://doi.org/10.1177/1534484317725945>
- Darling-Hammond, L., & Richardson, N. (2009). Teacher learning: What matters? *Educational Leadership*, 66(5), 46–53
- Desimone, L. M., & Pak, K. (2016). Instructional coaching as high-quality professional development. *Theory into Practice*, 56(1), 3–12. doi:10.1080/00405841.2016.124194
- DeCorby, K., Halas, J., Dixon, S., Wintrup, L. & Janzen, H. (2005). Classroom teachers and the challenges of delivering quality physical education. *The Journal of Educational Research*, 98(4), 208–220.
- Habibah, A., Ramlie, A., Hussin, Z., Siraj, S., Ridhuan Mohd Jamil, M., Arifin Safar, A., & Marzuki Mohd Nor, N. (2016). *Keperluan profesionalisme guru pendidikan islam (GPI) dalam pengajaran* (Vol. 3, Issue 3).
- Hall, P., & Simeral, A. (2017). *Creating a culture of reflective practice: Capacity building for schoolwide success*. ASCD.
- Ibrahim, Z. B., & Toran, H. B. (2023). Accommodation and modification in the individual education plan of secondary schools in Selangor, Malaysia. *Proceeding of International Conference on Special Education in South East Asia Region*, 2(1), 73–95. <https://doi.org/10.57142/picsar.v2i1.70>
- Ithnain, I., & Saidin, K. (2021). The effectiveness of professional development model in enhancing teachers' competencies. *Malaysian Online Journal of Educational Management*, 9(4), 32–52.
- Jaafar, N. A., Mohd Nordin, N. A., & Aljunid, S. M. (2021). Outcome of community-based rehabilitation and its associated factors among children with disability in east coast of peninsular Malaysia. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 19(01), 177–185. <https://doi.org/10.17576/jskm-2021-1901-19>
- JKM., (2020). *Jabatan Kebajikan Masyarakat*, Putrajaya: Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat.
- KPM. (2020). *Jabatan Pendidikan Khas*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Knight, J. (2019). Instructional coaching for implementing visible learning: A model for translating research into practice. *Education Sciences*, 9(2), 101–109. doi:10.3390/902010
- Kolb, D. A., (1984). *Experiential learning: Experience as the source of learning and development*. Prentice-Hal.

- Ling, O. E., & Toran, H. (2023). The practices of special education teachers in improving the reading skill of students with autism. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(2). <https://doi.org/10.6007/ijarped/v12-i2/17077>
- Law, G. C., Dutt, A., & Neihart, M. (2019). Increasing intervention fidelity among special education teachers for autism intervention: A pilot study of utilizing a mobile-app-enabled training program. *Research in Autism Spectrum Disorders*, 67(September 2018), 101411. <https://doi.org/10.1016/j.rasd.2019.101411>
- Ramli, R., & Mohd Hashim, M. H. (2023). Pengalaman pembimbing instruksional pendidikan dan latihan teknikal vokasional (PLTV) dalam menyokong refleksi pengajaran guru reka bentuk dan teknologi (RBT). *Online Journal for TVET Practitioners*, 8(1), 1–13. <https://doi.org/10.30880/ojtp.2023.08.01.001>
- Siti Nafsiah Ismail, Zuraidah Abdullah, & Abdul Jalil Othman. (2020). Komuniti pembelajaran profesional guru Bahasa Melayu Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(1), 1–27.
- Spence, C. M., & Santos, R. M. (2019). Multi-component professional development for early interventionists. *International Journal of Early Childhood Special Education*, 11(1), 52–63. <https://doi.org/10.20489/intjecse.585390>
- Tan Ai Lee, Zulkufli Mahayudin, Ooi Soo Yuan, Mooi, O. Y., & Ng Lai Teng. (2020). Pengalaman pembimbing instruksional dan guru dalam proses bimbingan instruksional pentaksiran bilik darjah di sebuah sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 18(2), 2020.
- Ueda, K., Goto, A., Imamoto, T., & Yamazaki, Y. (2021). An inclusive early childhood intervention program for children with disabilities: Possible Effects on Children and Nursery Teachers. *Frontiers in Rehabilitation Sciences*, 2(October), 1–6. <https://doi.org/10.3389/fresc.2021.759932>